

1971

JERAM, 2 APRIL (BERNAMA) -- BEKAS ANGGOTA UMNO, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, TELAH BERUCHAP DALAM SATU RAPAT UMUM PAS DI-PADANG MAJLIS BANDARAN JERAM, 20 BATU DARI KLANG MALAM TADI.

INI-LAH KALI PERTAMA DR. MAHATHIR BERUCHAP DALAM KEMPEN PILEHAN RAYA PAS YANG DI-ADAKAN BAGI MEMBANTU CHALUN-NYA DALAM PILEHAN RAYA KECHIL PARLIMEN KAWANSAN KAPAR, ENCHE MOHD JAIS BIN FATAHUR RAHMAN.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU RAPAT ITU: +SAYA BUKAN AHLI PAS DAN BUKAN AHLI UMNO+

TURUT BERUCHAP IA-LAH MENTERI BESAR KELANTAN, DATO MOHD ASRI BIN HAJI MUDA.

BELIAU MEMBERITAHU RAPAT ITU: +KALAU DR. MAHATHIR INGIN MASOK PAS, KITA SEDIA MENERIMA-NYA. KECHIL TAPAK TANGAN NIYRU KITA TADAHKAN.+

DATO ASRI MENGULANGI PENDAPAT-NYA BAHAWA DEMOKRASI YANG ADA SEKARANG +BERCHORAK BARAT.+

+IA UMPAMA HIDANGAN-NYA BARAT. CHUMA GERFU DAN SUDU SAHAJA YANG TIDAK DI-ADAKAN,+ KATA-NYA.-- BERNAMA 1300/HAC

34